

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [Pengerang]

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab pengecualian dalam Seksyen 375 Kanun Keseksaan, iaitu suami tidak boleh didakwa merogol isterinya, masih belum digugurkan daripada definisi rogol, memandangkan golongan wanita sering menjadi mangsa keganasan rumah tangga sehingga dipaksa supaya melakukan hubungan seks dan ini adalah satu kesalahan yang serius.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merujuk kepada suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan berkaitan *marital rape* dan dapatan Jawatankuasa Khas tersebut telah dibentangkan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 pada 12 Julai 2006.
2. Berdasarkan kajian dan dapatan yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut, Kerajaan memutuskan untuk mengekalkan peruntukan yang berkaitan di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan iaitu persetujuan antara suami isteri dalam perkahwinan yang sah di sisi undang-undang dan masih berkuat kuasa tidak boleh dianggap sebagai rogol.
3. Walau bagaimanapun, perbuatan suami yang mendatangkan kecederaan kepada isterinya bagi tujuan mengadakan hubungan seks dengan isterinya telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan yang berkuat kuasa mulai 7 September 2007. Hukuman bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan tidak melebihi lima (5) tahun.

Sekian, terima kasih.